



UM.G/FTC/604/1/2(2024)
13 September 2024

Semua Pembekal Yang Berdaftar

Tuan/Puan,

PENUTUPAN SISTEM *UM PROCUREMENT & PAYMENT MANAGEMENT (E-PROCUREMENT)* SERTA PELANCARAN (*GO-LIVE*) SISTEM *FINANCIAL INFORMATION SUPPORT SYSTEM (F1RST)* BAGI PORTAL PEMBEKAL

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa mulai **14 Oktober 2024**, Universiti Malaya akan mula menggunakan Sistem *Financial Information Support System (F1RST)* bagi menggantikan Sistem *UM Procurement & Payment Management (E-Procurement)* dan pelancaran sistem ini akan melibatkan tiga (3) modul berikut:

- (1) Modul Perolehan;
- (2) Modul Pembayaran; dan
- (3) Portal Pembekal

3. Sehubungan itu, mohon agar Tuan/Puan mengambil maklum bahawa Portal Pembekal yang digunakan untuk urusan pendaftaran pembekal, perolehan dan pembayaran Universiti Malaya akan menggunakan platform baharu ini sepenuhnya yang boleh diakses melalui <https://first.um.edu.my> mulai tarikh yang dinyatakan di atas.

4. Bagi tujuan ini, sistem *UM Procurement & Payment Management* (<https://vendor.um.edu.my>) sedia ada akan ditutup bermula **1 Oktober 2024**. Tuan/Puan **diminta untuk menyelesaikan semua sebutharga yang berada dalam tindakan pembekal**, manakala bagi sebutharga yang berstatus dalam tindakan pihak di UM akan diteruskan dalam sistem F1RST. Untuk makluman, data bagi proses yang telah selesai pula masih boleh dicapai melalui platform sedia ada.

PEJABAT BENDAHARI

Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA
(603) 7967 3205

JABATAN PERKHIDMATAN KEWANGAN

Pusat Kewangan Pelajar (603) 7967 3289 • Faks: (603) 7967 3588 / Pusat Pembayaran & Pengurusan Dana (603) 7967 3403
Pusat Perolehan (603) 7967 4660 • Faks: (603) 7967 4607 / Pusat Pengurusan Tunai & Bank (603) 7967 3466

JABATAN PERANCANGAN KEWANGAN

Pusat Belanjawan (603) 7967 3268 / Pusat Akaun (603) 7967 7731 / Pusat Teknologi Kewangan (603) 7967 3433
Pusat Kewangan Korporat (603) 7967 3270

Email: bendahari@um.edu.my • Laman Sesawang: <https://bendahari.um.edu.my>, <https://www.um.edu.my>

5. Selain itu, berikut adalah perubahan utama berkaitan Modul Pembekal dalam sistem F1RST:

- (i) Pembekal perlu melengkapkan semua maklumat pendaftaran syarikat sebagai tambahan kepada maklumat sedia ada.
- (ii) Tiada caj bayaran dikenakan sebagai Yuran Pendaftaran pembekal Universiti Malaya. Namun, Fi Perkhidmatan akan dikenakan kepada pembekal yang berjaya berdasarkan kadar yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) dan tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa. Kadar fi dikenakan seperti berikut:
 - (a) Kontrak Bukan Bermasa (one-off payment) - Kadar Fi Perkhidmatan **sebanyak 0.8%** dikenakan bagi setiap transaksi tertakluk kepada **had maksimum berjumlah RM9,600** bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.
 - (b) Kontrak Bermasa (multiple payment) - Kadar Fi Perkhidmatan **sebanyak 0.4%** dikenakan bagi setiap transaksi tertakluk kepada **had maksimum berjumlah RM4,800** bagi setiap transaksi bayaran yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.
- (iii) Fi Perkhidmatan akan dikira selepas potongan ke atas Invois pembekal seperti penalti, royalti, denda dan lain-lain potongan bagi transaksi tersebut (sekiranya ada).


6. Bersama emel ini dikemukakan maklumat berikut untuk rujukan dan makluman Tuan/Puan:

- | | |
|---|-------------------|
| (1) Infografik Sistem F1RST | Lampiran A |
| (2) Pegawai Bertanggungjawab Mengenai Sistem F1RST | Lampiran B |
| (3) Manual dan Produk Helpdesk Berkaitan Sistem F1RST | Lampiran C |

7. Pejabat Bendahari dengan kerjasama Jabatan Teknologi Maklumat (JTM) juga akan menyediakan manual pengguna untuk Portal Pembekal dan khidmat sokongan sepanjang tempoh peralihan ini. Perkembangan terkini akan dimaklumkan dari masa ke masa kepada pembekal.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


WAN MOHD SOFI WAN MUSTAPHA
Bendahari